

72 ditahan dalam operasi imigresen

Johor Bahru: Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Johor menahan seramai 72 warga asing atas pelbagai kesalahan dalam operasi bersepadu di beberapa premis dan medan selera di sini, Jumaat lalu.

Pengarahnya, Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus berkata, operasi dijalankan bersama Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Negeri Johor.

Beliau berkata, operasi yang dijalankan hasil ri-

sikan dan pemantauan berterusan ini bertujuan membanteras kehadiran warga asing yang melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Menurutnya, ia juga bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang serta peraturan.

Katanya, operasi bersepadu itu mencerminkan komitmen berterusan agensi penguat kuasa dalam memperkukuhkan kawalan keselamatan.